

# Cukai lestari pemangkin kemakmuran rakyat, tingkat pendapatan negara



Oleh Dr Aslam Izah Selamat  
bhrenanca@bh.com.my

**Cukai** adalah antara sumber utama pendapatan negara. Cukai didasari dengan sistem baik dan berkesan berupaya mendorong kepada kemakmuran ekonomi di samping menjamin kesejahteraan rakyat. Hari ini, sejauh mana kita sudah bertemu titik keseimbangan antara cukai tidak membantah rakyat dan cukai boleh menyumbang kelestarian pendapatan negara.

Perkembangan terkini menunjukkan, bagi meluaskan lagi sumber pendapatan negara, kerajaan memperkenalkan beberapa cukai baharu iaitu Cukai Barang Bernilai Rendah (LVGT) pada kadar 10 peratus terhadap barang bernilai bawah RM500 dibeli menerusi platform dalam talian.

Cukai Barang Mewah (HVG) antara 5.0 hingga 10 peratus juga bakal diperkenalkan sementara Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) akan dinamakan daripada 6.0 peratus kepada 8.0 peratus.

Sebelum ini, kerajaan pernah melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 2015 bagi meluaskan skop sumber pendapatan dengan lebih menyeluruh. Tahun pertama pelaksanaannya, hasil GST dikutip adalah sebanyak RM27.1 bilion. Kutipan GST terus meningkat pada tahun berikutnya sebanyak RM38.5 bilion pada 2016 dan RM40 bilion pada 2017.

GST menyumbang kepada sebahagian besar pendapatan kerajaan, mencapai kira-kira 18 peratus daripada jumlah keseluruhan pada tahun kewangan terakhirnya. Namun begitu, GST dikritik ke-

rana sifatnya regresif, iaitu pengenaan kadar sama pada 6.0 peratus untuk semua golongan. Kos pematuhan agak tinggi kerana pelaksanaannya lebih rumit.

Namun terdapat keluhan peniaga dengan komplikasi proses tuntutan kredit cukai input agak mengambil masa. Kemudian, SST dikembalikan semula pada 2018 dengan pemansuhan GST. Begitu pun skop percukaian SST lebih terhad. Kutipan SST cuma berjumlah RM5.4 bilion pada tahun ia diperkenalkan semula.

Kutipannya dilihat meningkat kepada RM27.5 bilion pada 2019, RM28.5 bilion (2020), RM26.5 bilion (2021) dan RM31 bilion (2022). Namun, masih agak rendah jika dibandingkan dengan kutipan GST.

## SST masih kurang berdaya maju

Sementara itu, pelaksanaan semula SST dilihat memberi kelegaan kepada beberapa sektor perniagaan kerana kos pelaksanaannya lebih mudah. Namun begitu ia membawa cabaran dalam penghasilan pendapatan kepada negara.

Atas faktor itu, timbul persoalan adakah cukai SST berupaya dan berdaya mapan bagi memenuhi keperluan belanjawan negara saban tahun. Hari ini, masih berlebar persoalan wajarkah ia dinaikkan kepada 8.0 peratus. Timbul juga persoalan, wajarkah kerajaan mempertimbangkan pelaksanaan semula GST.

Dalam tempoh hampir enam tahun ini, kita sudah melihat impak daripada pemansuhan GST dan pengembalian semula SST. Walaupun pihak berkuasa sudah berusaha sehabis upaya, SST masih kurang berdaya maju dalam menjana kelestarian pendapatan negara.

Natijahnya, kita berdepan dengan pelbagai cukai baharu dalam bermacam rupa. GST yang lebih menyeluruh pernah berjaya dilaksanakan di negara kita. Ia juga dilaksanakan di lebih 160 negara, membuktikan GST mempunyai keberkesanannya.

Pelaksanaannya meningkatkan kutipan hasil, mengurangkan pelarian cukai dan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Walaupun kadarnya standard pada 6.0 peratus, kebanyakan barang keperluan berkadar sifar serta dikecualikan cukai.

Cukai ini lebih telus kerana jumlah dikenakan ditunjukkan dengan jelas pada harga dan perkhidmatan akhir. Ia dikenakan hanya ke atas nilai tambah barang atau perkhidmatan pada setiap peringkat rantai pengeluaran dan pengedaran. Oleh itu, ia boleh mengurangkan saiz ekonomi bayangan yang menjadi punca kehilangan pendapatan negara.

Kelemahan GST yang dikenal pasti pada pelaksanaannya harus ditangani dengan lebih efisien dan bukan ditolak mentah-mentah tanpa perancangan jelas untuk menuju ke arah mana. Rakyat juga harus diberi kefahaman bagaimana manfaatnya kepada umumnya. Mereka harus jelas ke mana perginya sumbangan cukai mereka.

Dalam hal ini, bersediakah kerajaan memulakan semula perbincangan mengembalikan GST. SST dan GST pernah menjadi realiti serta ada kelebihan tersendiri. Semua pihak perlu berjiwa besar, ‘buang yang keruh, ambil yang jernih’ jika mahu menjamin kemakmuran rakyat dan negara secara lestari.

**Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH**

Penolong Dekan  
dan Pensyarah  
Kanan, Sekolah  
Perniagaan dan  
Ekonomi, Universiti  
Putra Malaysia